

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

SOALAN NO. 106

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan senarai peruntukan yang telah dan akan diterima oleh semua MPKK di daerah Seremban untuk tahun 2019, dan senarai projek pembangunan di setiap MPKK yang terlibat untuk tahun 2019.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk Makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah menyediakan peruntukan Elaun dan juga Geran kepada semua MPKK di seluruh Malaysia. Secara umumnya, bagi Negeri Sembilan, sejumlah RM3,037,800 peruntukan Elaun disediakan untuk Fasa 1 iaitu bagi tempoh Januari 2019 hingga Jun 2019 manakala sebanyak RM3,930,000 peruntukan Geran disediakan untuk tahun 2019.

NO. SOALAN 106

2. Secara khususnya, agihan peruntukan Elaun dan Geran bagi 78 MPKK di daerah Seremban yang telah disalurkan dan perbelanjaan terkini adalah seperti berikut:

JENIS PERUNTUKAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)	JUMLAH PERBELANJAAN (RM)
Elaun	678,600	RM384,850
Geran	780,000	RM450,000
JUMLAH (RM)	1,833,000	RM834,850

3. Untuk makluman Yang Berhormat jua, sebanyak RM57.6 juta telah diperuntukkan bagi pelaksanaan pelbagai projek pembangunan luar bandar di seluruh Negeri Sembilan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM1.04 juta telah diperuntukkan kepada Daerah Seremban bagi projek pembangunan infrastruktur asas seperti projek Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), projek Jalan Perhubungan Desa (JPD), Program Ameniti Sosial (PAMS) dan projek Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Pecahan program adalah seperti berikut:

BIL.	PROJEK	PERUNTUKAN 2019 (RM)
1.	PPRT	372,000
2.	JPD	410,000
3.	PAMS	230,000
4.	KEMAS	30,000
	JUMLAH	1,042,000